

# Aktiviti sedut pasir didakwa jejas pulau, hasil nelayan

RH 27/8/2022 M: 22

Pendaratan ikan berkurangan, pengusaha bot pelancongan turut gesa henti kegiatan

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Yan:** Kira-kira 1,000 nelayan dan pengusaha bot pelancongan di daerah ini mendakwa terjejas akibat kegiatan perlombongan

pasir berhampiran beberapa pulau di situ sejak beberapa hari lalu.

Kegiatan itu dikatakan dikesan berlaku sekitar Pulau Bidan, Pulau Songsong, Pulau Telor serta Pulau Dayang Bunting, sekali gus dikhuatir akan memberi kesan buruk terhadap pembiakan ikan serta ekosistem sekitar kawasan berkenaan.

Nelayan di jeti Sungai Udang, Amir Jaafar, 44, mendakwa kegiatan perlombongan pasir menggunakan kapal korek dan beberapa tongkang itu mula dikesan pada Sabtu lalu.

"Hasil pendaratan ikan nelayan di sini agak berkurangan se-



Antara nelayan serta pengusaha bot pelancongan membantah aktiviti pengambilan pasir berhampiran empat pulau di Yan yang didakwa menjejaskan hasil pendapatan mereka.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

jak akhir-akhir ini, ia menjejaskan pendapatan kami sebagai nelayan pantai.

"Sejak turun-temurun nelayan mencari makan di kawasan pulau ini, jika dibiarkan berterusan, bagaimana kami mahu tanggung keluarga dan anak yang masih belajar?" katanya ketika diinterview, di sini, baru-baru ini.

#### Tidak tahu status projek

Nelayan, Mohd Shukri Said, 49, mendakwa empat pulau itu sebelum ini diwartakan sebagai pulau pelancongan.

"Kami tidak tahu status pengambilan pasir di kawasan ini sah atau tidak. Kami bimbang

pencemaran berlaku dan menjejaskan ekosistem di sini," kata-

nya.

Seorang lagi nelayan, Jamil Ali, 55, mendakwa aktiviti menyedut pasir di kawasan pulau itu menyebabkan kawasan pantai yang dahulunya dipenuhi pasir, kini disaluti lumpur.

Beliau mendakwa, keadaan itu menjejaskan habitat dan kehidupan marin, selain memberi kesan kepada kualiti ikan serta hasil laut lain.

"Jika keadaan ini dibiarkan, tidak mustahil kami kehilangan punca pendapatan kerana terpaksa mengeluarkan modal tambahan membeli petrol untuk me-

nangkap ikan di kawasan lain

"Kami berharap kerajaan dapat memantau aktiviti ini demi kelangsungan hidup komuniti nelayan di Yan," katanya.

Pengusaha pelancongan, Yani Yunus, 47, pula mendakwa kegiatan menyedut pasir itu giat dilakukan pada waktu malam.

Sementara itu, Pegawai Daerah Yan, Mohamad Subhi Abdullah, ketika dihubungi berkata, pihaknya akan membuat siasatan dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTGP) untuk mengetahui status sebenar aktiviti itu sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan.